

CNS3405

U GB 21-09 00198 BH603

aab

Major-Bosnia

BRITAIN AKAN USAHAKAN PENYELESAIAN POLITIK UTK BOSNIA - MAJOR

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Britain John Major memberi jaminan kepada rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Britain akan mengusahakan penyelesaian politik yang memuaskan bagi Bosnia-Herzegovina.

Sambil menyifatkan keadaan di negara yang dilanda perang itu sebagai sesuatu "yang menyentuh perasaan rakyat Malaysia dan Britain," Major berkata, dalam masa kira-kira 12 bulan lalu, Britain telah mengambil beberapa langkah praktikal bagi meringankan masalah yang dihadapi oleh rakyat Bosnia.

"Saya fikir adalah adil untuk menyatakan jika kita tidak mengambil sebarang tindakan dalam kira-kira setahun lalu, mungkin beratus-ratus ribu rakyat Bosnia yang hidup hari ini mungkin tidak hidup sekiranya tidak ada bantuan askar-askar Britain," tegasnya dalam ucapan di majlis jamuan diberikan oleh Dr Mahathir di Sri Perdana di sini malam ini.

Dr Mahathir, sebelum itu dalam ucapannya merayu kepada rakan sejawatannya itu agar mempertimbangkan semula penentangan Britain terhadap pelancaran serangan udara ke atas puak Serb di Bosnia-Herzegovina sebelum keadaan bertambah buruk.

Major berkata, beliau gembira mendapati askar-askar Malaysia akan berkhidmat dalam pasukan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia bersama 2,500 askar Britain. -- lagi

▼21/09/22-52MST

R GB 21-09 00170 BH605

BAH

Major - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Major juga menjawab kenyataan oleh Dr Mahathir mengenai pentingnya pencapaian persetujuan awal Rundingan Uruguay bagi membolehkan perdagangan bebas bukan sahaja bagi Malaysia malahan Britain dan negara-negara perdagangan lain.

Dr Mahathir telah berkata bahawa Britain, sebagai sebuah anggota terkemuka EC, hendaklah cuba mempengaruhi EC ke arah mencapai kejayaan dan persetujuan awal terhadap rundingan-rundingan berkenaan sebelum akhir tahun ini.

Sehubungan ini Perdana Menteri Britain berkata: "Kami tetap dalam laluan untuk mencapai hasil yang memuaskan terhadap Rundingan Uruguay menjelang 15 Dis tahun ini".

"Harga kejayaan dalam rundingan itu adalah amat besar tetapi ia perlu diiktiraf oleh setiap peserta dalam Rundingan Uruguay itu tanpa mengira dari mana mereka datang dan sebarang kegagalan dalam rundingan itu juga akan membawa kesan yang besar", katanya.

Beliau berkata, bukanlah menjadi hasrat Britain untuk melihat Rundingan Uruguay itu mencapai kegagalan.

"Saya boleh beri anda satu jaminan mengenai kedudukan United Kingdom (dalam Rundingan Uruguay)", katanya kepada Dr Mahathir. -- Lagi

▼21/09/23-22MST

BAH

Major - Bosnia 3 (akhir) Kuala Lumpur

Major juga memuji Dr Mahathir terhadap wawasan jauh beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Katanya, Malaysia telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam semua bidang dan ekonominya mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan.

Major juga berkata, beliau gembira kerana ramai rakyat Malaysia belajar di Britain. Pada masa sekarang, terdapat kira-kira 13,000 pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di United Kingdom.

Mengenai hubungan dua hala antara kedua-dua negara, Major berkata beliau berharap dia dan Dr Mahathir akan dapat bekerja kuat untuk mengekalkan perhubungan dan persahabatan yang sedia terjalin.

"Adalah menjadi tradisi bahawa kita perlu menjaga kepentingan bersama," tambah beliau. -- Bernama

ES CR

♥21/09/23-33MST